

**PERSEPSI GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH MUAR TERHADAP PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK
(PjBL)**

NUR FARHANA BINTI AYOB

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(SAINS) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 7 haribulan Februari 2024.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, **Nur Farhana binti Ayob** bernombor matrik **D20201095522** dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains dan Matematik dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **Persepsi Guru Sains Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PjBL) di Daerah Muar** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

(Nur Farhana binti Ayob)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Dr. Anis Diyana binti Halim** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Persepsi Guru Sains Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PjBL) di Daerah Muar** dihasilkan oleh pelajar nama di atas.

Tarikh : 8/2/2024

Dr. Anis Diyana binti Halim



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin serta kurnia-Nya saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Seseungguhnya saya bersyukur dapat dikurniakan kesihatan dari segi mental dan fizikal serta kekuatan untuk saya dipermudahkan urusan bagi menyiapkan projek tahun akhir saya.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia yang saya hormati dan sayangi, Dr Anis Diyana binti Halim serta pensyarah kursus Dr Syazwan bin Saidin dan Dr Ahmad Muslihin bin Ahmad yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Begitu juga saya ucapkan terima kasih kepada pakar-pakar daripada pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terlibat dalam kajian ini.

Tidak dilupakan penghargaan kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Ayob bin Abdullah dan Ruzanah binti Mohd Nan dan seluruh ahli keluarga diatas doa, sokongan dan dorongan untuk saya meneruskan semangat dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Di samping itu, terima kasih tidak terhingga kepada rakan seperjuangan saya Akhila, Irdina, Ain dan Faisal serta rakan-rakan dalam Sirius yang membantu memberi maklumat dan idea bersama. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada diri sendiri kerana tidak berhenti di pertengahan waktu dan memastikan saya berjaya mencapai segulung Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains) dengan Kepujian tepat pada masanya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) di daerah Muar. Pembelajaran berasaskan projek (PjBL) merupakan salah satu kaedah pengajaran abad ke- 21 yang dapat membantu guru mengajar mengikut keperluan murid. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 108 responden telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah terdiri daripada guru Sains yang mengajar di daerah Muar. Analisis deskriptif dilaporkan melalui nilai skor min dan sisihan piawai. Hasil dapatan mendapati persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) mempunyai nilai min 4.53 (s.p : 0.380) manakala persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap murid ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) memiliki min yang paling tinggi 4.91 (s.p : 0.182) dan min bagi persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap persekitaran ketika pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ialah 4.46 (s.p : 0.467). Kesimpulannya, persepsi guru Sains terhadap pembelajaran berasaskan projek (PjBL) adalah tinggi. Implikasinya, kajian ini memberi panduan kepada pihak yang terlibat seperti Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk memastikan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) menjadi amalan guru di sekolah.

Kata kunci: Persepsi, pembelajaran berasaskan projek (PjBL) dan guru Sains.



ABSTRACT

This study aims to identify the perceptions of secondary school Science teachers regarding the implementation of project-based learning (PjBL) in the Muar district. Project-based learning is one of the 21st-century teaching methods that can help teachers tailor instruction to students' needs. The study employs a survey research design, using a questionnaire as the research instrument. A total of 108 respondents were selected through simple random sampling, comprising Science teachers who teach in the Muar district. Descriptive analysis is reported using mean scores and standard deviations. The findings indicate that secondary school Science teachers' perceptions of PjBL implementation have a minimum score of 4.53 (s.d.: 0.380), while their perceptions of students during PjBL have the highest minimum score of 4.91 (s.d.: 0.182), and their perceptions of the learning environment during PjBL have a minimum score of 4.46 (s.d.: 0.467). In conclusion, Science teachers' perceptions of project-based learning (PjBL) are high. The implications of this study provide guidance to relevant parties, such as the State Education Department (JPN) and District Education Office (PPD), to ensure that project-based learning (PjBL) becomes a common practice among teachers in schools.

Keywords: Perception, project-based learning (PjBL) and Science teachers



ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	II
PENGHARGAAN	III
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	V
SENARAI JADUAL	IX
SENARAI RAJAH	X
SENARAI SINGKATAN	XI
SENARAI LAMPIRAN	XII
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.7 Definisi Operasi	9
1.8 Batasan Kajian	9
1.9 Kepentingan Kajian	10
1.9.1 Guru Sains	10
1.9.2 Pihak sekolah	10
1.9.3 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)	11
1.10 Rumusan	11
BAB 2	12





KAJIAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Teori - teori yang Mendasari Kajian	13
2.2.1 Teori Behaviorisme	13
2.2.2 Teori Kognitif	13
2.3 Dapatan Kajian Lepas	14
2.4 Rumusan	17
BAB 3	18
METODOLOGI KAJIAN	18
3.1 Pengenalan	18
3.2 Reka Bentuk Kajian	19
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	19
3.4 Instrumen Kajian	20
3.5 Kesahan Instrumen	21
3.6 Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen	22
3.7 Prosedur Kajian	24
3.8 Analisis Data	24
3.9 Rumusan	26
BAB 4	27
DAPATAN KAJIAN	27
4.1 Pendahuluan	27
4.2 Analisis Soal Selidik	28
4.2.1 Latar Belakang Responden Kajian	28
4.2.2 Analisis Persepsi Guru Sains Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PjBL)	29



4.2.3 Analisis Persepsi Guru Sains Sekolah Menengah Terhadap Murid Ketika Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PjBL)	31
4.2.4 Analisis Persepsi Guru Sains Sekolah Menengah Terhadap Persekitaran Ketika Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PjBL)	33
4.3 Perbincangan	35
4.4 Rumusan	40
BAB 5	41
KESIMPULAN DAN CADANGAN	41
5.1 Pendahuluan	41
5.2 Kesimpulan Kajian	42
5.3 Implikasi Kajian	42
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	43
5.5 Penutup	44
RUJUKAN	45
LAMPIRAN	50
LAMPIRAN A	50
LAMPIRAN B	55
LAMPIRAN C	67
LAMPIRAN D	73
LAMPIRAN E	74

**SENARAI JADUAL**

Bil.	Judul	Muka Surat
3.1	Peratusan skor kesahan muka dan kandungan	22
3.2	Alpha Cronbach	23
3.3	Tahap persepsi guru skor min oleh Landell (1997)	25
3.4	Analisis data dilakukan	25
4.1	Analisis deskriptif demografi dan latar belakang responden	28
4.2	Analisis persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL)	30
4.3	Analisis persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap murid ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL)	32
4.4	Analisis persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap persekitaran ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL)	34



SENARAI RAJAH

Bil.	Judul	Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	8



SENARAI SINGKATAN

eRAS	<i>Educational Research Application System</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pelajaran Tinggi
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PjBL	Pembelajaran berasaskan projek
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
s.p	Sisihan piawai
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Borang Soal Selidik

LAMPIRAN B

Kesahan Pakar

LAMPIRAN C

Data SPSS

LAMPIRAN D

Borang JPN

LAMPIRAN E

Borang eRAS





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mempergiatkan saranan pendekatan pembelajaran berpusatkan murid dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran guru di sekolah. Bersesuaian dengan abad ke-21, pembelajaran berasaskan projek atau “*Project Based Learning*” (PjBL) telah digunakan sebagai suatu pendekatan pedagogi yang menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis, kreatif, bersistematik dan logik (Bennett, Erickson, Svirsky & Seddon, 2022). Hal ini dikatakan demikian kerana dalam pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) di dalam bilik darjah, aktiviti dalam proses pembelajaran lebih tertumpu kepada murid. Melalui pembelajaran berasaskan projek, proses pembelajaran dalam bilik darjah tidak lagi berpusatkan guru dan ia hendaklah





merangkumi literasi teknologi, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek serta aplikasi pemikiran aras tinggi (Nadiah Abdul Kadir & Khairul Azhar Jamaludin, 2022).

Pembelajaran berasaskan projek (PjBL) adalah pendekatan jangka masa panjang yang meraikan kebolehan, kemahiran berfikir serta bakat murid (Kissanraj Nagaraj & Muhammad Sofwan Mahmud, 2022). Melalui pembelajaran berasaskan projek (PjBL), murid dapat meningkatkan pengetahuan ilmu serta konsep terutamanya dalam proses mengingat kembali apa yang telah dipelajari lebih lama dan menggunakannya dalam persekitaran atau suasana baru. Walau bagaimanapun, kaedah pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ini masih memerlukan guru yang bersedia dan memiliki kefahaman yang tinggi untuk membentuk murid yang lebih dinamik. Kebolehan guru dalam menguasai pelbagai pendekatan dan strategi pengajaran akan dapat mendorong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan murid melalui penerapan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) dalam pendidikan terutamanya mata pelajaran Sains (Nadiah Abdul Kadir & Khairul Azhar Jamaluddin, 2022). Tuntasnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin melahirkan murid yang mempunyai rasa ingin tahu, inspirasi kreativiti, minat, nilai dan sikap untuk mempromosikan kajian bebas dan kecekapan untuk membuat penilaian sendiri.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum Sains dalam sistem pendidikan di Malaysia memberi tumpuan kepada pengintegrasian kemahiran pemerolehan pengetahuan dan penguasaan kemahiran saintifik serta kemahiran berfikir murid. Menurut Lia Apriyani, Ilah Nurlaelah dan Ina Setiawati (2017), kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif digunakan untuk





menggalakkan perkembangan kemahiran ini dalam diri murid dan menghasilkan pembelajaran yang bermakna. Pembelajaran berasaskan projek (PjBL) mula digalakkan penggunaannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seawal tahun 2006 (Shamsul Izwan Shamsudin, 2022).

Dalam pembelajaran berpusatkan murid, murid perlu mendengar dengan teliti dan melihat dengan jelas. Aktiviti bilik darjah ditentukan dan berkembang mengikut minat, kebolehan dan keperluan murid (Noorsyahirah Mohd Noor & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2021). Guru mendorong pembelajaran berpusatkan murid dengan menggalakkan murid berkongsi pendapat dalam proses penyelesaian masalah dan mempercayai kemampuan mereka untuk memimpin. Menurut Motallebzadeh dan Kafi (2014), guru berperanan tinggi dalam proses pembelajaran murid. Seorang guru menjadi fasilitator dan pembimbing, dan bukan pengarah atau diktator. Guru akan cuba memahami bagaimana murid menafsirkan pengetahuan serta membimbing dan menolong murid mereka menyempurnakan pemahaman dan tafsiran, akan membetulkan salah tanggapan yang boleh timbul pada peringkat awal, dan menambah baik kualiti pengetahuan yang dipelajari. Maka, salah satu faktor yang mendorong kepada persepsi sendiri dan konseptualisasi guru terhadap peranan guru mempunyai telah memberi kesan asas kepada proses pengajaran (Habók & Nagy, 2016).

Seterusnya, menurut Chong dan Mohammad Tahir Mapa (2021) kaedah pembelajaran berasaskan projek (PjBL) menggalakkan kerja berkumpulan daripada kerja individu kerana ia memudahkan murid untuk berbincang dan mengeluarkan idea. Perkara ini dapat dilihat apabila murid dapat berkumpul sesama mereka dan berjaya membina pandangan mereka sendiri berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada dalam diri mereka. Tambahan, kaedah ini tidak mampu dilakukan oleh murid secara bersendirian kerana ia memerlukan bimbingan serta panduan daripada guru





bagi membantu murid dalam menyelesaikan masalah. Hasil kajian daripada Noor Erma & Kwan (2017), perbincangan kumpulan dengan menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan projek (PjBL) dapat menggalakkan nilai tanggungjawab serta sifat kerjasama dalam diri murid. Manakala, menurut Faridah Salam, Ramlah Mailok dan Norhasbiah Ubaidullah (2015), perbincangan merupakan salah satu proses yang melibatkan serta menggalakkan penyertaan murid dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PjBL). Hal ini dapat membantu murid untuk berinteraksi sesama mereka dan mencungkil idea daripada ahli kumpulan yang lain supaya projek yang dihasilkan adalah menepati kriteria.

Selain itu juga, persekitaran sekolah yang baik dapat melahirkan suasana pembelajaran yang lebih bermakna (Faridah et al., 2015). Pembelajaran berasaskan projek (PjBL) memberikan murid kebebasan dan peluang untuk mencari bahan rujukan yang berkaitan dengan topik atau masalah yang berkaitan dengan projek (Chong & Mohamad Tahir Mapa, 2021). Hal ini kerana bahan rujukan yang mereka dapati di sekolah dapat membantu mereka untuk memikirkan idea atau penyelesaian yang boleh membantu mereka untuk membina projek. Bagi proses pembelajaran berasaskan projek (PjBL), *ICT* juga digunakan oleh guru bukan sahaja untuk memudahkan pembelajaran tentang teknologi tetapi untuk memudahkan pembelajaran dengan teknologi (DAG & Durdu, 2017). Menurut Chong dan Mohamad Tahir Mapa (2021), penggunaan teknologi seperti *slaid power point*, *LCD* dan komputer riba dapat menarik minat murid untuk mencari bahan serta menyelesaikan projek. Justeru, murid akan lebih tertarik untuk menggunakan teknologi dalam kerja berkumpulan dan berjaya menyiapkan projek dengan bantuan guru.



1.3 Penyataan Masalah

Selari dengan perkembangan pendidikan di peringkat global, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan kaedah pembelajaran berasaskan projek (PjBL) sebagai salah satu strategi pengajaran kepada guru-guru di Malaysia. Menurut Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abdul Halim dan Absha Atiah Abu Bakar (2018), pembelajaran berasaskan projek (PjBL) merupakan pembelajaran kolaboratif yang mewujudkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dari aspek kognitif, afektif, komunikasi dan kemahiran sosial murid. Walaupun pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ini banyak diamalkan dalam kebanyakan sekolah, namun masih terdapat banyak persamaan terutamanya dari segi penggunaan kaedah. Maka, kajian tersebut merumuskan bahawa pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ini ditakrifkan sebagai suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mempunyai soalan yang bermakna, menghampiri dunia sebenar murid, menghasilkan produk atau artifak yang dihasilkan oleh murid pada akhir projek dan boleh dilakukan secara berkumpulan ataupun individu melalui pendapat majoriti pengkaji yang terdahulu.

Manakala, dapatan kajian Noorsyahirah Mohd Noor dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) mendapati bahawa persepsi guru terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) bagi matapelajaran Kimia KSSM adalah sederhana. Hal ini demikian kerana kajian tersebut merumuskan bahawa guru-guru berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) sebagai satu kaedah pelajaran yang berpusatkan murid. Manakala, menurut kajian kes mengenai implikasi kepada pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) Mentzer, Czerniak, dan Brooks (2017), guru melaksanakan pengajaran berasaskan inkuiri dalam pembelajaran berasaskan projek (PjBL) pada permulaannya,





tetapi pilihan gaya pengajaran mereka berubah perlahan-lahan kepada berasaskan pertanyaan selepas tamat kursus tiga tahun latihan dan kemahiran guru. Perkara ini telah menyebabkan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) menghadapi penentangan daripada murid kerana mereka menganggap guru melepaskan tugas dalam pengawalan kelas. Perkara ini telah membawa kepada pembelajaran yang membosankan, berpusatkan guru dan kurang penglibatan murid ketika berada di dalam kelas (Zahara Che Isa & Nurulwahida Hj Azid@Aziz, 2016).

Dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ini, guru tidak akan terlepas dengan beberapa kekangan dan cabaran untuk melaksanakannya. Diantaranya adalah terdapat guru yang takut untuk membuat perubahan dalam kaedah pengajaran mereka seharian dan ada diantara mereka yang mahukan latihan dan bimbingan serta kolaborasi di dalam perkara yang berkaitan dengan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ini (Marta, Fernandez-Terol & Jesús, 2021). Terdapat juga guru yang menunjukkan minat kepada penggunaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) untuk pengajaran mereka tetapi turut merasakan bahawa mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang kurang mengenai kaedah ini dan memerlukan latihan yang berterusan untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) secara berkesan (Ikhsan Guntur & Heri Retnawati, 2020).

Bagi menggalakkan pemikiran kreatif saintifik murid, keadaan iklim dan persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan murid untuk berfikir (Rubaaiah Sidek, Lilia Halim & Nor Aishah Buang, 2021). Menurut Rubaaiah Sidek et al. (2021), aspek kefahaman dan persepsi guru terhadap kreativiti saintifik berjaya mempengaruhi amalan-amalan pengajaran guru bagi memastikan keputusan yang diambil, pemilihan pendekatan dan kaedah serta tingkah laku pengajaran guru sendiri. Kajian menyatakan setelah pengetahuan guru tentang



kreativiti umum dapat dikenal pasti, guru menyokong bahawa tahap keupayaan murid menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu yang kreatif dalam bidang Sains bergantung kepada penguasaan konsep Sains mereka. Maka, jelas menunjukkan minat murid terhadap mata pelajaran Sains memerlukan sokongan dan dorongan daripada guru sendiri untuk memastikan tahap keupayaan murid berjaya melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) dengan baik.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL). Oleh itu, tinjauan yang dijalankan ini akan memberi maklumat mengenai pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) khusus dalam kalangan guru Sains di daerah Muar.


1.4 Objektif Kajian

- i. Mengetahui persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL).
- ii. Mengetahui persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap murid ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL).
- iii. Mengetahui persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap persekitaran ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL).

1.5 Persoalan Kajian

- Apakah persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL)?
- Apakah persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap murid ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ?
- Apakah persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap persekitaran ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 *Kerangka Konseptual Kajian*

Kerangka konseptual telah dibina oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai petunjuk pelaksanaan bagi keseluruhan kajian. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang telah dibina oleh pengkaji sebelum melaksanakan kajian. Tinjauan ini dilakukan dengan mengikut bilangan populasi guru Sains di daerah Muar. Instrumen yang digunakan adalah pautan *google forms*. Terdapat tiga pemboleh ubah yang telah dikenal pasti untuk meneliti persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL). Antaranya ialah persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL), persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap murid ketika pelaksanaan



pembelajaran berasaskan projek (PjBL) dan persepsi guru Sains sekolah menengah terhadap persekitaran ketika pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL).

1.7 Definisi Operasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan. Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan bermaksud guru Sains sekolah menengah di daerah Muar menjalankan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) di sekolah bagi menyediakan sistem pendidikan formal berdasarkan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

Manakala pembelajaran berasaskan projek atau *project based learning* (PjBL) merupakan kaedah pengajaran di mana murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam tempoh masa yang panjang untuk menyiasat dan bertindak balas kepada satu persoalan yang sah, menarik dan kompleks, masalah atau cabaran (Hashiroh Hussain & Mahaya Salleh, 2020). Alismail dan Mcguire (2015) menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan projek (PjBL) juga merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyokong semua kemahiran yang terkandung dalam 4C iaitu komunikasi (*communication*), kolaborasi (*collaboration*), kemahiran berfikir secara kritis (*critical thinking*) dan kreativiti (*creativity*).

1.8 Batasan Kajian

Tinjauan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) ke atas guru Sains sekolah menengah di daerah Muar mempunyai batasan kajian dari sudut lokasi kajian apabila tinjauan ini hanya dilakukan dalam daerah Muar. Hal ini demikian kerana lokasi tersebut dipilih kerana ia merupakan tempat tinggal pengkaji dan majoriti





sekolah di lokai tersebut adalah berdekatan antara satu sama lain. Ini memberi faedah kepada pengkaji kerana ia menjimatkan kos untuk menjalankan tinjauan dan proses pengambilan data daripada responden juga lebih mudah.

Seterusnya, kajian ini hanya tertumpu kepada satu daerah sahaja di dalam Johor kerana tidak melibatkan daerah lain akibat kerisauan kekangan masa serta kos untuk melaksanakan kajian. Kemudian, tinjauan ini dibataskan hanya kepada guru-guru Sains sekolah menengah yang mengajar subjek Sains di daerah Muar. Dapatan kajian daripada tinjauan ini hanya boleh digeneralisasikan kepada populasi guru Sains yang melibatkan 24 buah sekolah menengah.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi kepentingan kepada :

1.9.1 Guru Sains

Kajian ini memberi maklumat atau data yang membantu guru Sains untuk membuat penambah baik mahupun pemantapan kepada tahap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) di sekolah berdasarkan konstruk yang dikaji seperti pengalaman mengajar, kekerapan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) yang mempengaruhi tahap pelaksanaan projek di sekolah.

1.9.2 Pihak sekolah

Kajian ini membantu pihak sekolah untuk menyediakan latihan kepada guru Sains bagi meningkatkan kemahiran guru dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) kepada murid di sekolah. Pihak sekolah boleh merancang program ilmu yang membantu guru untuk mengaplikasikan pengetahuan berkenaan projek dengan lebih baik supaya guru lebih bersedia untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan projek (PjBL).



1.9.3 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)

Kajian ini membantu pihak PPD untuk menyelaraskan semula latihan bagi memastikan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) dalam kalangan guru di daerah Muar adalah memuaskan. Latihan yang diselaraskan mestilah selari dengan tahap pendidikan murid pada masa kini supaya guru tidak hanya tertumpu kepada satu kaedah pengajaran projek.

1.10 Rumusan

Bab ini bertujuan untuk mengetahui persepsi guru Sains sekolah menengah di daerah Muar terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL). Beberapa konstruk telah dipilih untuk melihat persepsi guru terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek (PjBL). Pengkaji menggariskan tiga objektif dan tiga persoalan kajian yang di persoalkan dalam kajian ini. Pengkaji turut menerangkan kepentingan kajian dan batasan kajian yang dihadapi dalam melakukan kajian.